

B543:
WAWANCARA

1981

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH BERWAWANCARA LEBIH DUA JAM DENGAN WARTAWAN-WARTAWAN BERNAMA DAN DUA KUMPULAN AKHBAR TEMPATAN SEMPERA HARI KE-100 BELIAU MEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI BARU-BARU INI. BERIKUT IALAH SOAL-JAWAB ANTARA WARTAWAN-WARTAWAN DENGAN PERDANA MENTERI (PM) DALAM WAWANCARA ITU:

WARTAWAN: DATUK, APABILA PRESIDEN KENNEDY MEMASUKI HARI KE-100 PEMERINTAHANNYA, IA ADALAH SESUATU PERISTIWA YANG BERERTI. JADI SAYA RASA MEDIA AM DI NEGARA INI PUN CUBA HENDAK BERBUAT SESUATU SEMPERA HARI KE-100 DATUK MENJADI PERDANA MENTERI. BILA KITA ADA SEBUAH KERAJAAN BARU YANG SANGAT CERGAS DAN SANGAT BERTENAGA BANYAK PERKARA YANG BOLEH DIBUAT DALAM 100 HARI.

PM: (KETAWA). SILA TERUSKAN APA YANG SAUDARA KATA TENTANG 100 HARI?

WARTAWAN: YA, BILA KITA ADA SEBUAH KERAJAAN YANG AKTIF, 100 HARI ADALAH SUATU MASA YANG AGAK LAMA. BOLEH KAMI TANYA TENTANG 100 HARI PERTAMA KERAJAAN DATUK, APAKAH PANDANGAN, APAKAH YANG DATUK FIKIR TELAH DIBUAT DAN APAKAH YANG DATUK FIKIR PERKARA YANG DATUK HENDAK BUAT, YANG BARU SAHAJA DIMULAKAN ATAU BARU DIBUAT?

PM: AMAT SUSAH BAGI SAYA HENDAK MENGUKUR APA YANG TELAH SAYA BUAT. SAYA TAHU APA ARAHAN YANG TELAH SAYA BERI. SAMA ADA ARAHAN-ARAHAN INI DI JALANKAN, SAMA ADA IA BERKESAN ATAU TIDAK, ADALAH LEBIH SENANG BAGI ORANG LAIN MEMBUAT UKURANNYA. DUDUK DI DALAM BILIK INI, MEMBERI ARAHAN DAN KEPUTUSAN, TIDAK MEMBERI SAYA SUATU PERSPEKTIF DARI LUAR TENTANG BAGAIMANAKAH ARAHAN-ARAHAN ITU DIPANDANG DARI LUAR. AMAT SUSAH SAYA HENDAK KATA. ORANG KATA MEREKA DIBERI BERBAGAI ARAHAN, APAKAH HASIL SAYA TIDAK TAHU. SEBAB ITULAH SAYA FIKIR, SELEPAS SETAHUN, KITA AKAN DAPAT LIHAT PERBEZAANNYA. — BERSAMBUNG 1725/LK

B544:
WAWANCARA 2 KUALA LUMPUR

TETAPI APAKAH ADA APA-APA PERBEZAAN ATAU TIDAK DALAM 100 HARI PERTAMA, SUSAH SAYA HENDAK KATA.

WARTAWAN: TETAPI DATUK, TIDAKKAH DATUK RASA MASYARAKAT SUDAH MENYEDARI AKAN SESUATU YANG BARU, TERDAPAT PERBEZAAN. INI MERUPAKAN APA YANG DIPANGGIL PENJELMAAN DUA "M" DAN MEREKA ANGAP PENJELMAAN DUA "M" INI SUDAH BERMULA. SEKARANG ADA PERASAAN BARU MENUJU KE ARAH MASYARAKAT YANG BERSIH, CEKAP DAN BERDISIPLIN. ADA ORANG PANGGIL INI FORMULA "C", "D" DAN "E". ADAKAH DATUK SENDIRI MENYEDARI HAL INI ADAKAH DATUK FIKIR PATUT KALAU ORANG KATAKAN SEKARANG INI SUDAH BERMULA PROSES PERUBAHAN?

PM: SAYA HARAPKAN BEGITULAH, TETAPI SAMA ADA BETUL BEGITU
ATAU TIDAK ADALAH SUATU PERKARA LAIN. SAYA INGIN MELIHAT
APA YANG SAUDARA KATAKAN ITU DIBUAT. INILAH YANG
SAYA RASA KEDUA-DUA DATUK MUSA DAN SAYA INGIN LIHAT
BERLAKU DI NEGARA INI. TETAPI SUDAHKAH KITA DAPAT
LAKUKAN? MEMANGLAH SENANG KATA, MARI KITA BUAT LEBIH
BAIK, TETAPI BETULKAH IA LEBIH BAIK. SAYA TAK TAHU.

WARTAWAN: SETAKAT INI APAKAH CABARAN YANG TERBESAR YANG DATUK
RASAKAN TELAH DIHADAPI?

PM: CABARAN YANG TERBESAR SEKALI TALAH HENDAK MENGGERAKKAN
SEMUA ORANG BUKAN SAHAJA PEGAWAI KERAJAAN, TETAPI
SEBENARNYA SEMUA PENDUDUK DI NEGARA INI SUPAYA SEDAR
TENTANG TANGGUNGJAWAB MASING-MASING, PERANAN
MASING-MASING TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA —
PEMBANGUNAN YANG BUKAN SAHAJA MERUPAKAN PEMBANGUNAN
MATERIAL TETAPI JUGA SATU PEMBANGUNAN YANG MEMBERI
SATU KECAPAIAN ROHANIAH. — BERSAMBUNG 1733/LK

B545:

WAWANCARA 3 KUALA LUMPUR

KITA MESTI ADA PERASAAN PENCAPAIAN SEBAGAI SATU BANGSA. KITA HENDAK BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH DENGAN ORANG LAIN SUPAYA KITA TIDAK RASA TERHINA. BAGI SAYA, INI PENTING, SAYA TAK HENDAK KALAU SAYA PERGI KE MANA-MANA, KALAU SAYA KATA SAYA DATANG DARI MALAYSIA ORANG KATA: AH, ORANG MELAYU PEMALAS ATAU SEUMPAMANYA. MACAM DULULAH, SAYA TAK HENDAK MACA ITU. DARI KECIL PUN, SAYA DIBESARKAN DALAM SUASANA BEGITU. JADI BAGI SAYA, PENGHINAAN BEGITULAH YANG SAYA TAK TAHAN SEKALI. JADI SAYA MAHU ORANG HORMATI MALAYSIA.

WARTAWAN: SETAKAT INI KITA TIDAKKAH MENDAPAT SATU PENGHORMATAN DI MASYARAKAT ANTARABANGSA?

PM: KALAU HENDAK BANDING DENGAN DULU MEMANGLAH SEKARANG INI LEBIH BANYAK ORANG MEMBERIKAN PENGHORMATAN KEPADA KITA, TETAPI IA MASIH BELUM SAMPAI KE SATU TARAF YANG SAMA DENGAN NEGARA MEMBANGUN YANG MASIH LAGI BERSIKAP PATRONISING KEPADA KITA. JADI, KITA MASIH BANYAK LAGI PERINGKAT YANG KITA HENDAK CAPAI.

WARTAWAN: DATUK, BERBALIK KEPADA APA YANG AKAN BERLAKU PADA MASA HADAPAN PULA. BAGAIMANAKAH PANDANGAN DATUK, KALAU DAPAT KITA ANGGAP SEBAGAI "IMPIAN" DATUK TENTANG MALAYSIA MASA HADAPAN?

PM: BAGI SAYA, SAYA INGIN MELIHAT MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU YANG TIDAK KEHILANGAN NILAI-NILAI KEBUDAYAAN, SPIRITUALNYA. NILAI-NILAI YANG BAIK YANG ADA PADA KITA MESTILAH DIKEKALKAN SEMENTARA KITA DAPAT MENGAMBIL TEMPAT SAMA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MAJU YANG LAIN. ITU IMPIANLAH. —

BERSAMBUNG 1739/LK

B546:

WAWANCARA 4 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: ADAKAH DATUK ADA IMPIAN YANG NEGARA INI MENJADI SEBUAH NEGARA PERUSAHAAN SEPERTI NEGARA-NEGARA UTARA?

PM: BUKANLAH SATU IMPIAN, TAPI IA ADALAH SUATU PERKARA YANG SAYA HARAP HENDAK USAHAKAN. JADI, IA MUNGKIN DICAPAI DALAM MASA MASIH MENJADI PERDANA MENTERI ATAU SEMASA SAYA MASIH HIDUP, TAPI PROSES BAGI PEMBANGUNAN YANG PESAT MESTILAH DIMULAKAN. SEKARANG SUDAH MULALAH. SAMA ADA ITU TERCAPAI MASA SAYA ADA ATAU MASA JADI PERDANA MENTERI, ITU TIDAK SANGKUT-PAUT.

WARTAWAN: DATUK, KEBANYAKAN PERKARA YANG KITA HENDAK CAPAI INI BERGANTUNG KEPADA KESTABILAN NEGARA DARI SEGI POLITIK DAN EKONOMI. UNTUK MENCAPAI KESTABILAN INI PERLU KITA MEMPUNYAI PERPADUAN NEGARA. APAKAH PANDANGAN DATUK TERHADAP PERPADUAN NEGARA SEKARANG? ADAKAH LEBIH ERAT, LEBIH BERPADU DARI MASA LALU?

PM:

PERKARA-PERKARA YANG SEPERTI INI ADALAH PERKARA YANG RELATIF. KALAU KITA BANDING KEADAAN DULU DENGAN SEKARANG, MUNGKIN SEKARANG INI LEBIH BAIK. TETAPI KALAU KITA BANDINGKAN KEADAAN SEKARANG DENGAN MASA DEPAN, BARANGKALI KITA BELUM CAPAI TAHAP YANG KITA SEPATUTNYA CAPAI. JUGA KALAU KITA BANDING KEADAAN INI DALAM NEGARA KITA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG PENDUDUKNYA TERDIRI DARI BERBAGAI KAUM, MUNGKIN DIANGGAP KEADAAN DI NEGARA KITA ADALAH LEBIH BAIK. TETAPI KALAU KITA BANDINGKAN DENGAN NEGARA YANG BETUL-BETUL BERPADU, UMPAMANYA NEGARA YANG MEMPUYAI PENDUDUK CUMA SATU KAUM, KITA BELUM CAPAI PADA TAHAP ITU. — BERSAMBUNG

23

1750/LK

B547:

WAWANCARA 5 KUALA LUMPUR

JADI PERKARA INI RELATIF. KALAU KITA KATA KEDUDUKAN KITA TIDAK BAIK PUN TIDAK BETUL JUGA. KALAU TIDAK BAIK KITA TIDAK MUNGKIN CAPAI KEJAYAAN YANG TELAH KITA CAPAI SEHINGGA INI. TETAPI, MEMANG TEPAT KALAU KITA KATAKAN BOLEH DIPERBAIKI LAGI.

WARTAWAN: CARA SETENGAH-SETENGAH PIHAK MEMBUAT TUNTUTAN, APAKAH TIDAK BOLEH MEROSAKKAN PERPADUAN YANG SEDANG KITA BINA?

PM:

SIAPA PUN BOLEH BUAT TUNTUTAN. KADANGKALA KALAU KITA SUDAH TENTUKAN SATU MATLAMAT, KITA KATA 30 PERATUS, ADA ORANG TANYA KENAPA TIDAK 50 PERATUS. DAN KALAU 50 PERATUS DIJADIKAN MATLAMAT, ADA PULA YANG AKAN KATA KENAPA TIDAK 70 PERATUS.

JADI TUNTUTAN SEPERTI INI TIDAK DAPAT DIELAK. YANG PENTING IALAH CARA PENYELESAIAN KEPADA MASALAH-MASALAH YANG SEPERTI INI. KALAU KITA ADA JENTERA YANG BOLEH KITA GUNA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH INI ADALAH LEBIH PENTING DARIPADA SOAL TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG DIBUAT. KALAU KITA TERLALU SENSITIF DENGAN PROSES PERMINTAAN INI DAN BUKAN PROSES PENCAPAIAN-PENCAPAIAN BELUM TIMBUL TETAPI DENGAN PERMINTAAN KITA SUDAH MELENTING, SAYA INGAT KITA TAK BOLEH CAPAI KESTABILAN ATAUPUN KETENTERAMAN DI DALAM NEGARA. SEBAB ITULAH SAYA JELASKAN PERKARA INI TIDAK HARUS DIJADIKAN ISSUE.

WARTAWAN: KENYATAAN DATUK MENGENAI ISSU TIMBALAN PERDANA MENTERI KEDUA "TIDAK DAPAT DITIMBANGKAN SEKARANG," PERKATAAN "SEKARANG" ITU MENIMBULKAN SEDIKIT KERAGUAN. — BERSAMBUNG 1757/LK

B548:

WAWANCARA 6 KUALA LUMPUR

PM: SAYA KATA "DALAM KEADAAN SEKARANG", BUKAN "UNTUK SEKARANG". DALAM KEADAAN SEKARANG, KEADAAN INI MUNGKIN BERUBAH ESOK, MUNGKIN TIDAK BERUBAH 30 TAHUN LAGI DARI SEKARANG ATAU PUN 50 TAHUN LAGI DARI SEKARANG. KALAU KEADAAN INI TIDAK BERUBAH MAKA "KEADAAN SEKARANG" ITU MASIH ADA. JADI TUNTUTAN ITU TIDAK KENA PADA TEMPATNYA, PADA MASANYA. TAPI, KALAU PADA SATU HARI 30 TAHUN LAGI ATAU PUN ESOK YANG MANA SEMUA PENDUDUK SEMUA KAUM DI DALAM NEGARA KITA INI SUDAH BERSATU PADU JADI KEADAAN SUDAH BERUBAH. PADA MASA ITU MUNGKIN BOLEH DITIMBANG, BUKAN OLEH SAYA MUNGKIN OLEH ORANG LAIN, MUNGKIN JUGA OLEH SAYA KALAU SAYA ADA PADA KETIKA ITU.

WARTAWAN: MUNGKIN TIDAK TIMBUL TIMBALAN PERDANA MENTERI KEDUA DARI KAUM CINA, MUNGKIN PERDANA MENTERI SENDIRI BAGI MEREKA. BÉGITU MAKSUD DATUK?

PM: SAYA TAK BOLEH TAHU, SAYA TAK BOLEH KATA. TETAPI YANG HARUS KITA INGAT IALAH MENGIKUT PERLEMBAGAAN PERKARA INI MUNGKIN. BUKAN ADA LARANGAN SECARA KHUSUS TETAPI KEADAAN TIDAK MENGIZIN DAN INI DITERIMA OLEH PIHAK PEMUDA MCA BAHAWA KEADAAN SEKARANG INI TIDAK MENGIZINKAN. KALAU KEADAAN BERUBAH PADA MASA DEPAN ITU MASALAH LAINLAH.

WARTAWAN: JADI APA LANGKAH-LANGKAH ATAU PUN PANDANGAN DATUK UNTUK MENCAPAI PERPADUAN YANG SEBATI DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA BERBAGAI KAUM?

29
PM: PERASAAN PERKAUMAN INI CUMA BOLEH DIHAPUSKAN KALAU KEADAAN SEMUA KAUM SUDAH MENJADI SEIMBANG, IAITU TIDAK PERBEZAAN LAGI DARI SEGALA SEGI SUSUNAN MASYARAKAT. TIDAK ADA LAGI KEADAAN YANG SESUATU KAUM ITU DIKENALI DENGAN SESUATU PEKERJAAN.
— BERSAMBUNG 1300/LK

B549
WAWANCARA 7 KUALA LUMPUR

JADI, DALAM KEADAAN ITU TIDAK ADA PERASAAN RAGU-RAGU, IAITU SATU KAUM AKAN HILANG LENYAP ATAU PUN DITINDAS. JADI PADA KETIKA ITU MASALAH-MASALAH SEPERTI YANG ADA SEKARANG INI AKAN HILANG. SEBAB ITU DALAM DASAR EKONOMI BARU (DEB) KITA CUBA MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT SUPAYA PENGENALAN KAUM DENGAN PEKERJAAN AKAN DAPAT DIHAPUSKAN. SEKARANG KEADAAN INI MASIH TERDAPAT. KALAU KITA PERGI KE KEDAI, DALAM PERIBAHASA KITA PUN, KITA KATA PERGI KE KEDAI CINA, SEOLAH-OLAH KEDAI MESTILAH CINA. PADA SATU HARI NANTI, KITA KATA KITA PERGI KE KEDAI MALAYSIA. TAK TAHU SAMA ADA DIA KEDAI CINA, INDIA ATAU MELAYU. DIA PEKERJA, DIA TAUKEH, MELAYU KE, CINA KE, KADANG-KADANG SETENGAH-SETENGAH MELAYU DAN SETENGAH CINA, TAK KIRA KALAU DALAM KEDAI PUN PEKERJA-PEKERJANYA TAK AMBIL KIRA, DIA ADA KEMAMPUAN KITA AMBIL. SEKARANG INI BELUM LAGI MACAM ITU. BELUM SAMPAI KE TAHAP ITU, SEBAHAGIAN DARINYA KERANA SOAL KAUM, SEBAHAGIAN PULA KERANA ADA JUGA MASALAH. TETAPI KALAU KITA SUDAH SEMUA RAJIN, BOLEH BUAT KERJA, SEMUA BEKERJA KUAT, SAMA ADA CINA, MELAYU TAK JADI MASALAH. INILAH YANG SAYA JELASKAN KEPADA PEMUDA MCA MENGENAI PEGAWAI DAERAH. SOALNYA BUKAN PEGAWAI DAERAH ITU CINA ATAU MELAYU. SOALNYA IALAH PEGAWAI DAERAH ITU DITERIMA OLEH MASYARAKAT DI SITU. KALAU DIA DITERIMA OLEH MASYARAKAT, SOAL BANGSANYA TIDAK TIMBUL. SAYA BAGI CONTOH, ENCIK SAW CHEE LENG YANG TELAH MENJADI PENGARAH PELAJARAN NEGERI PAHANG, TRENGGANU DAN KELANTAN SELAMA 18 TAHUN. — BERSAMBUNG 1720/SZ

B550
WAWANCARA 8 KUALA LUMPUR

ORANG KELANTAN TAK MAHU LEPASKAN DIA. BEGITU SAYANG SEKALI MEREKA KEPADANYA, KALAU KITA HENDAK HANTAR PEGAWAI MELAYU PUN MEREKA TAK MAHU. JADI SOALNYA BUKAN SOAL BANGSA, SOAL PENERIMAAN PERIBADI SESEORANG ITU. KALAU ORANG CINA TAHU BAGAIMANA HENDAK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT ATAU PUN ORANG MELAYU TAHU HENDAK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN TANGAN TAUKEH, SOAL PEMILIHAN YANG BERASASKAN KAUM TIDAK TIMBUL.

WARTAWAN: TIDAKKAH DATUK MERASA KECENDURONGAN KEPADA POLITIK PERKAUMAN SEMAKIN MENINGKAT SEKARANG, BERKUTAN DENGAN KEHAKISAN KUASA PERIKATAN DULU. SEKARANG INI TIGA BUAH PARTI DI DALAM BARISAN NASIONAL, MCA, GERAKAN DAN SEDIKIT SEBANYAK PPP JUGA, BERSAING UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN MASYARAKAT CINA. BEGITU JUGA DENGAN PENGUNDI-PENGUNDI MASYARAKAT INDIA, MIC MUNGKIN SEDIKIT SEBANYAK BERSAING DENGAN PPP. JADI, UNTUK MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA DI DALAM BARISAN, MEREKA CUBA BERMAIN POLITIK PERKAUMAN DENGAN MERAYU PERPADUAN KAUM. SEBENARNYA, KITA MENGGALAKKAN PERIMBANGAN KAUM SEPERTI INI.

PM: YA, TETAPI BUKAN MASYARAKAT CINA DAN INDIA SAHAJA, MASYARAKAT MELAYU PUN BEGITU. PEMBAGIAN MACAM ITU JUGA, TETAPI KALAU KITA AMBIL MAJORITINYA, MAJORITI SENYAP YANG MENJADI KATA PEMUTUS. PERKARA-PERKARA INI TIDAK ADA KESAN KE ATAS +SILENT+ MAJORITI, YANG HANYA TERNYATA SAMASA PILIHANRAYA. UMPAMANYA, PEMILIHAN MEREKA TIDAKLAH BERASASKAN KEPADA PERKAUMAN YANG MELAMPAU. DIA LEBIH BERASASKAN KEPADA KESTABILAN. — BERSAMBUNG 1725/SZ

SEBAB ITU SEHINGGA INI PARTI POLITIK SEDERHANA, SEBAGAI SUATU PERBANDINGAN, KALAU MCA PUN BOLEH DIKATAKAN PARTI SEDERHANA BERBANDING DENGAN DAP UMPAMANYA, UMNO BERBANDING DENGAN PAS, MIC BERBANDING DENGAN GOLONGAN CHAUVANIS INDIA DI MALAYSIA INI, JADI, MEREKA INI SEDERHANA DAN MEREKA MASIH MAJORITI. EKSTRIMISME MESTI ADA DALAM SEMUA KAUM, WAKTU MANA PUN, INI KITA TIDAK DAPAT ELAKKAN, DI MANA NEGARA PUN. KALAU TAK ADA EKSTRIMISME BERASASKAN KAUM, MAKA ADA PULA EKSTRIMISME BERASASKAN KELAS ATAU IDEOLOGI. KITA HARUS INGAT KEADAAN KITA ADALAH LEBIH BAIK. DI KAMPUNG-KAMPUNG MELAYU DULU TIDAK ADA PARTI POLITIK, TETAPI ADA KUMPULAN BENDERA PUTIH, KUMPULAN BENDERA MERAH YANG BERPERANG SESAMA SENDIRI. BILA ADA UMNO DAN PAS, BENDERA PUTIH MASUKPAS, BENDERA MERAH MASUK UMNO. ATAU PUN SEORANG ITU PENGIKUT PENGHULU INI, SEORANG LAGI PENCABAR PENGHULU. PENGIKUT PENGHULU INI MASUK UMNO, PENGIKUT PENGHULU ITU MASUK PAS BUKAN KERANA DIA SAYANG KEPADA PAS, TETAPI KERANA TENAGA PEMECAH DALAM MASYARAKAT ITU BERADA.

WARTAWAN: DATUK, ADAKAH DATUK FIKIR PANDANGAN DATUK TERHADAP HUBUNGAN MALAYSIA-BRITISH DISALAHFAHAM DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI?
PM: SAYA TIDAK MENGETI MENGAPA IA MESTI DISALAHFAHAM. PENDIRIAN SAYA TENTANG SIKAP KITA TERHADAP BRITAIN ADALAH AMAT JELAS. KITA TIDAK MEMUTUSKAN HUBUNGAN DAGANG DENGAN MEREKA, KITA TIDAK MEMBOIKOT BARANG-BARANG BRITISH. APA YANG KITA KATA IALAH KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBELI BARANG BRITISH JIKA DAPAT DIELAKKAN. TETAPI KITA AKAN TERUS BELI JIKA TIADA JALAN LAIN. -- BERSAMBUNG
17308Z

WARTAWAN: ADA GOLONGAN ASING YANG MENGATAKAN BAHAWA LANGKAH KERAJAAN INI AKAN MENGGOYANGKAN KEYAKINAN PELABOR-PELABOR PADA KESELURUHANNYA, BUKAN PELABOR-PELABOR DARI BRITAIN SAHAJA TETAPI JUGA DARI LAIN-LAIN NEGARA.

PM: YA, KEPENTINGAN ASING ITU SEBAHAGIAN BESARNYA IALAH KEPENTINGAN BRITISH, INILAH YANG MEREKA KATAKAN SELAMA INI. HARUS DIINGAT, PENDAPAT INI SUDAH DIKEMUKAKAN SEMASA ISSUE SIME-DARBY DULU IAITU LAMA SEBELUM IDEA +SERANGAN WAKTU SUBUH+ INI BERLAKU. PADA MASA ITU KITA BELI SECARA TERANG-TERANG DI DALAM PASARAN. KITA MENGIKUT PERATURAN WAKTU ITU. SEBENARNYA TUR TAN SIEW SIN TELAH MEMBUAT SATU KENYATAAN YANG JELAS BAHAWA BELIAU MAHU MEMBELI GUTHRIE, UPMAMANYA. ITU SUDAH LAMA DULU DAN ITUPUN KITA DITUDUH MEMILIK-NEGARA SECARA PINTU BELAKANG. KITA PERGI KEDAI, KITA BELI BARANG. LANGKAH SEPERTI INI PUN DITUDUH MEMILIK NEGARAKAN.

APA MAKNANYA INI?

WARTAWAN: ADAKAH KITA TETAP MENERIMA PELABURAN ASING?

PM: YA, KALAU BRITISH HENDAK MELABUR DI SINI, MEREKA JUGA DITERIMA, SYARIKAT BRITISH YANG TELAH MELABUR DI NEGARA INI DAN MENGELUARKAN BARANG DI SINI TIDAK TERTAKLUK KEPADA ATURAN BARU INI. BARANG MEREKA BOLEH DIBELI KERANA IA DIKELUARKAN DI NEGARA INI.

WARTAWAN: TENTANG ARAHAN JANGAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA BRITISH ITU, BAGAIMANAKAH CARANYA KITA HENDAK LAKSANAKAN ARAHAN ITU SUPAYA IA LEBIH BERKESAN MEMANDANGKAN KEPENTINGAN MEREKA BEGITU BESAR DALAM EKONOMI KITA? — BERSAMBUNG 1745/SZ

WAWANCARA 11 KUALA LUMPUR

PM: SAYA TAK NAMPAK KEPENTINGAN MEREKA BEGITU BESAR DALAM EKONOMI KITA. SEBENARNYA BERGANTUNG KEPADA KITA, SAMADA KITA HENDAK BELI BARANG DARI BRITAIN ATAPUN TIDAK. MEREKA MEMANG EMPUNYAI KEPENTINGAN, TETAPI KITA EMPUNYAI SUMBER ALTERNATIF HENDAK BELI APA PUN. BAIK MOTOKAR, BAIK BARANG-BARANG TENTERA KITA BOLEH DAPAT DARI SUMBER ALTERNATIF. JIKA KITA TIDAK ADA SUMBER ALTERNATIF, KITA BOLEH BELI DARI BRITAIN. INI TAK JADI MASALAH. IMBANGAN PEMBAYARAN SEKARANG INI MENGUNTUNGAN BRITAIN. JADI LEBIH BAIK KITA KURANG BELI BARANG BRITAIN SUPAYA IMBANGAN BAYARAN ITU MENGUNTUNGAN KITA. KITA TIDAK LAGI MENDAPAT LAYANAN ISTIMEWA KERANA BRITAIN SUDAH JADI ANGGOTA EEC. JADI, TAK ADA SEBAB KITA BERI LAYANAN ISTIMEWA PADA BRITAIN. BRITISH KATA MEREKA MERUPAKAN PELABOR YANG KETIGA BESARNYA DI MALAYSIA, TETAPI SEBENARNYA ITU ADALAH PELABORAN LAMA. KALAU KITA TINJAU DI MASA KEBELAKANGAN INI, PELABORAN BRITAIN ADALAH MEROSOT BERBANDING DENGAN PELABORAN AMERIKA JEPUN ATAPUN SINGAPURA. KALAU JUMLAH DARIPADA SEJAK MERDEKA SAMPAI SEKARANG, MEMANGLAH BRITISH BANYAK, PASAL DULU MEREKA LABOR BANYAK.

26

WARTAWAN: ADALAH KEPUTUSAN INI AKAN KEKAL DAN APAKAH PULA SAMBUTAN DARI PIHAK BRITISH YANG AKAN MENGUBAH PERATURAN INI?
PM: PADA PANDANGAN SAYA, IA AKAN BERLARUTAN KERANA SAYA TIDAK NAMPAK SEBARANG SIKAP BERLEMBUT DI PIHAK BRITISH, JADI PERATURAN INI BERPANJANGAN KECUALI ADA SESUATU FAKTOR DORONGAN YANG KUAT DIADAKAN OLEH MEREKA. — BERSAMBUNG 1835/SZ

B576

WAWANCARA 12 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: BARU-BARU INI ADA URA-URA MEREKA AKAN NAIKKAN LAGI YURAN PELAJARAN UNTUK PENUNTUT-PENUNTUT ASING DI BRITAIN. APAKAH AGAKNYA LANGKAH KITA SETERUSNYA?

PM: KETAWA.... TAK APALAH.

WARTAWAN: DATUK, TIDAKLAH DATUK BIMBANG BAHAWA PERATURAN BARU KERAJAAN INI AKAN MEMBERI KESAN KEPADA SENTIMEN PELABOR ASING. MUNGKIN MEREKA MENJADI RAGU-RAGU SEKARANG, DAN MEREKA INGIN MELIHAT APAKAH LANGKAH KITA SETERUSNYA, JADI, APAKAH JAMINAN YANG DATUK DAPAT BERIKAN KEPADA MEREKA INI?

PM: BILA SAYA JADI MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TAHUN 1978, BOLEH DIKATAKAN TIADA PELABORAN DI NEGARA INI KERANA KONONNYA DISEBABKAN OLEH AKTA ICA, AKTA PEMBANGUNAN, TETAPI KITA TELAH MENGAMBIL LANGKAH MENJELASKAN PERKARA ITU TANPA MENGUBAH DASAR KITA. KITA JELASKAN DASAR KITA DAN SAUDARA TAHU SELEPAS PENJELASAN TU BANYAK PELABORAN DATANG SEHINGGA KITA BOLEH BUAT PEMILIHAN. SAYA TIDAK BIMBANG KERANA LANGKAH ITU BUKANNYA MERUPAKAN MEMILIK-NEGARA SYARIKAT ASING, YANG SUSAH DENGAN BEKAS PENJAJAH IALAH BILA DIMILIK-NEGARAKAN, MEREKA KATA MEREKA TIDAK KEBERATAN ASALKAN KITA BAYAR SAGU-HATI, TAPI JANGAN AMBIL-ALIH SYARIKAT. TETAPI KALAU KITA AMBIL-ALIH SYARIKAT DAN BAYAR SAGU-HATI, MEREKA KATA MEREKA TIDAK KEBERATAN ASALKAN KITA JANGAN AMBIL SYARIKAT MEREKA. BILA KITA BELI SAHAM DI PASARAN, MEREKA KATA MEREKA TIDAK PEDULI ASALKAN HARGANYA MENASABAH. TETAPI KITA KITA BAYAR HARGA TINGGI, MEREKA MASIH TIDAK PUAS HATI, TIDAK PERNAH YANG BETUL. LAIN-LAIN — BERSAMBUNG 1850/SZ

NEGARA RAMPAS SAJA SYARIKAT ASING TANPA MEMBAYAR SAGU-HATI. BILA KITA BELI SAHAM DI PASARAN MEREKA KATA KITA TIDAK BOLEH PUN MEMBELI SAHAM KITA DI PASARAN. PENDEK KATA, SYARIKAT YANG MEREKA TUBUHKAN DENGAN MEMERAH HASIL NEGARA KITA INI SELAMA 150 TAHUN MESTILAH KEKAL SELAMA-LAMANYA SEBAGAI HAK MEREKA. KITA INI TAK ADA HAK LANGSUNG. HENDAK BELI PUN TAK BOLEH. KITA BUKAN PAKSA HAL INI. KITA BELI DAN SEMUA PEMEGANG SAHAM GEMBIRA. YANG SEBENARNYA BUKAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM, MESKIPUN UNDANG-UNDANG MEMPERUNTUKKAN MELINDUNGI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM, H HENDAK DILINDUNGI OLEH MEREKA TETAPI HAK DAN FAEDAH-FAEDAH BAGI

PIHAK PENGURUSAN YANG SEBENARNYA YANG HENDAK MEREKA LINDUNGI. PIHAK PENGURUSAN MAHU TERUS-TERUSAN MENIKMATI PENDAPATAN DAN LAIN-LAIN FAEDAH YANG LUMAYAN, MEREKA TIDAK PEDULI SEDIKIT PUN TERHADAP NASIB PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM MINORITI. SEBAGAI CONTOH, SYARIKAT DUNLOP TIDAK MEMBAYAR SEBARANG DIVIDEN KERANA IA MENANGGUNG RUGI, TETAPI PIHAK PENGURUSAN MAHU KEKAL MEMEGANG SYARIKAT ITU UNTUK MENIKMATI SEGALA FAEDAH ITU, JADI UNDANG-UNDANG ITU ADALAH UNTUK MELINDUNGI PENGURUS-PENGURUS YANG TAK ADA SESEN PUN SAHAM DI DALAM SYARIKAT.

WARTAWAN: JADI, DENGAN KITA MENGUASAI GUTHRIE SEKARANG, KITA AKAN PASTIKAN PIHAK PENGURUSAN INI AKAN DILUCUTKAN.

HA: SUDAH TENTULAH BUKAN SEMUANYA. MEREKA YANG BERFAEDAH KEPADA NEGARA KITA DITENGAHKAN, TETAPI MEREKA YANG KITA PIKIR TIDAK BERFAEDAH KEPADA SYARIKAT DAN MENUDARATKAN KITA, SUDAH TENTULAH KITA MELINDUNGI KEKALIFAN. SEBENARNYA, PERBUATAN SENGAJA MENCELUARKAN NEGARA KITA KE PAKAYOKI, SEBALIKNYA PERGI KE TEMPAT LAIN.

WAWANCARA 1900/87

DAN TERLIBAT DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIRAGUKAN. MEREKA YANG SEPERTI INI SUDAH TENTU TIDAK BOLEH DIKEKALKAN TETAPI PIHAK PENGURUSAN YANG LAIN BOLEH DIKEKALKAN.

WARTAWAN: DATUK, KAMI BELUM DENGAN JELAS PENDAPAT DATUK MENGENAI DUNLOP ESTATE BERHAD YANG MENUBUHKAN SYARIKAT USHASAMA DENGAN MULTI-PURPOSE DAN PEGI, APA PENDAPAT DATUK DENGAN ATURAN INI?

PM: IA ADALAH SESUATU YANG LUAR BIASA. JIKA SAUDARA HENDAK JUAL SAHAM, JIKA SAUDARA HENDAK MENGELUARKAN PELABORAN DI DALAM SALAH SEBUAH ANAK SYARIKAT SAUDARA, ITU BOLEH DIBUAT TETAPI TIDAK BOLEH MEMAKSAKAN SYARAT-SYARAT, UMPAMANYA: SAYA AKAN JUAL INI KEPADA SAUDARA DENGAN SYARAT SAUDARA JUAL SAHAM-SAHAM SAUDARA DI DALAM SYARIKAT LAIN.

WARTAWAN: DATUK, OLEH KERANA DATUK ADA KUASA KAWALAN TERUS KE ATAS PNB, APAKAH DATUK TIDAK INGIN SUPAYA PENGKALAN SYARIKAT INI KHUSUSNYA GUTHRIE DI BAWA KE MALAYSIA?

PM: APABILA KITA DAPAT MENGUASAI SESUATU SYARIKAT KITA INGIN MEMBAWANYA KEMBALI KE TANAH AIR, INI TIDAK BERMAKNA KITA AKAN MENGELUARKAN SEMUA SEKALI PELABORAN KITA DI NEGARA LAIN. IA AKAN TERUS AKTIF DI NEGARA LAIN TETAPI KEUTAMAAN KITA SUDAH TENTULAH MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER SYARIKAT INI UNTUK MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN DI MALAYSIA SENDIRI. INI AKAN DAPAT DILAKUKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA HANYA APABILA SYARIKAT ITU MENJALANKAN OPERASINYA DARI SINI. — BERSAMBUNG 1903/82

WAWANCARA 15 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: DATUK, BOLEH KITA ALIHKAN PANDANGAN KEPADA MASALAH LUAR NEGERI. NAMPAKNYA MASA AKHIR-AKHIR INI MACAM ADA SALAH FAHAM TENTANG PANDANGAN KITA TERHADAP HUBUNGAN ANTARABANGSA. BOLEH JADI INI BERUPA DARI LANGKAH DATUK TIDAK MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI MELBOURNE DAN KEMUDIAN LANGKAH KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN KONTREK DAN BARANG-BARANG BRITISH?

PM: SAYA SUDAH JELAS PENDIRIAN SAYA MENGENAI HUBUNGAN LUAR DARI SEGI KEUTAMAANNYA. YANG PERTAMA IALAH DENGAN NEGARA-NEGARA ASEAN. YANG KEDUA, DENGAN NEGARA-NEGARA ISLAM. YANG KETIGA, DENGAN NEGARA-NEGARA BERKÉCUALI DAN YANG KEEMPAT BERULAH SAMPAI KEPADA SOAL KOMANWEL. WALAU PUN KITA MEMPUYAI SENARAI KEUTAMAAN 1, 2, 3, 4 INI, JARAK ANTARA STU DENGAN LAIN BUKANLAH SAMA. MUNGKIN YANG KOMANWEL INI BUKAN SAJA NOMBOR EMPAT TETAPI JAUH KE BELAKANG. MUNGKIN PADA MASA INI. TETAPI KALAU KOMANWEL PADA MASA DEPAN BERFUNGSI SEPERTI YANG SEWAJARNYA, KITA MUNGKIN MENGAJAI SEMULA KEUTAMAAN KITA. TETAPI PADA MASA INI DASAR SETENGAH-SETENGAH NEGARA KOMANWEL INI TIDAK MENGUNTINGKAN MALAYSIA KHUSUSNYA DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN AMNYA. JUGA ADA SAYA MEMBEZAKAN ANTARA KOMANWEL DENGAN MENGADAKAN PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL. MUNGKIN KOMANWEL ITU PENTING, TETAPI PERSIDANGAN ITU TIDAK PENTING. UMPAMANYA DALAM ASEAN, KADANGKALA KITA MENGADAKAN SIDANG KEMUNCAK KETUA-KETUA KERAJAAN, TAPI KADANGKALA KITA TAK ADAKAN. INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA ASEAN ITU TIDAK PENTING.
—BERSAMBUNG 2042/HM

B591

WAWANCARA 16 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: BERPALING KEPADA KAWALAN WAKTU, BANYAK PEGAWAI KERAJAAN YANG MERASAKAN LANGKAH INI MENYUSAHKAN.

PM: MEMANGLAH DI DALAM MASYARAKAT, LAIN ORANG LAIN PENDAPATNYA. SETENGAH-SETENGAH ORANG MERASAKAN LANGKAH INI SEPERTI SUATU PERINTAH TETAPI BAGI SAYA BANGUN PAGI ADALAH SUATU TABIAT. SEBENARNYA WAKTU ITU BOLEH DITENTUKAN OLEH KITA. UMPAMANYA SAYA SEDANG BERFIKIR HENDAK MENENTUKAN WAKTU YANG SAMA BAGI SELURUH MALAYSIA. SEKARANG INI KITA ADA DUA ZON WAKTU, SATU FAKTOR PEMISAHAN.

WARTAWAN: DATUK, BOLEHKAH DATUK BERIKAN PENJELASAN MENGAPA PERLU NYA DIADAKAN KAWALAN WAKTU.

PM: SEMUA ORANG SETUJU BAHAWA TEPAT WAKTU ADALAH BAIK. UMPAMANYA, JIKA SAYA HENDAK BERJUMPA SAUDARA PADA WAKTU TERTENTU DAN SAYA TIDAK DATANG PADA WAKTU YANG DITETAPKAN, IA SUDAH TENTU MENYUSAHKAN SAUDARA, IA MENYEBABKAN MASA TERBUANG. JIKA SAYA DATANG TEPAT PADA WAKTUNYA, SEMUANYA AKAN BERJALAN DENGAN BETUL. BAGITULAH DENGAN PEGAWAI, JIKA MEREKA DATANG TEPAT PADA WAKTUNYA, SEMUA KERJA BOLEH DIBERESKAN PADA MASANYA. APA YANG SAYA INGINKAN BUKANLAH PUKUL LAPAN, TETAPI TEPAT PADA WAKTUNYA. —BERSAMBUNG 2047/HM

JIKA KITA ADA KERJA HENDAK DI BUAT PADA PUKUL 9 BUATLAH PADA PUKUL 9. JIKA ADA PERJUMPAAN PADA PUKUL 9 BERJUMPAHALAH PADA PUKUL 9. SEMUA ORANG KATA DATANG TEPAT PADA WAKTU ITU ADALAH BAIK, JADI SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA ADA ORANG BERSUNGUT.

WARTAWAN: BOLEH KITA BERPINDAH KEPADA SESUATU YANG MUNGKIN TIDAK SENANG KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KEFAJAN. INI TALAH SOAL RASUAH. BOLEH DATUK CERITAKAN SETAKAT MANA PERBUATAN RASUAH DI NEGARA INI, APAKAH PUNCA-07, -NYA YANG UTAMA DAN APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG DATUK FIKIR PALING BERKESAN UNTUK MENGAWALNYA?

PM: SAYA BOLEH BERCAKAP PANJANG MENGENAI PERKARA INI. SAYA BAHAGIKAN RASUAH KEPADA DUA PERINGKAT. PERTAMA TALAH PERINGKAT DI BAWAH MEJA DAN YANG SATU LAGI PERINGKAT DI ATAS MEJA. APABILA IA DI BAWAH MEJA INI BERMAKNA MASYARAKAT TIDAK BERSETUJU DENGAN RASUAH, MASYARAKAT MEANGANGGAPNYA SEBAGAI JENAYAH ATAU DIPANDANG HINA. TETAPI JIKA RASUAH SAMPAI KEPADA PERINGKAT DI ATAS MEJA, IAITU DIADAKAN SECARA TERANG-TERANG, MAKA IA MENJADI SATU PERKARA BIASA. DI MALAYSIA KITA BELUM SAMPAI KE PERINGKAT DI ATAS MEJA. JADI KITA BOLEH TERBALIKKAN PROSES. SOALNYA SAMA ADA KITA SUDAH TENAT JUGA DI BAWAH MEJA. SAYA TIDAK FIKIR KITA SUDAH TERLALU TENAT. SAYA FIKIR KITA BOLEH TERBALIKKAN. TETAPI UNTUK MELAKUKANNYA KITA PERLU ADA SEKUMPULAN ORANG YANG BETUL-BETUL DI-DIKASI KE ARAH MENGHAPUSKAN RASUAH. DAN ORANG-ORANG INI SENDIRI MESTILAH TIDAK RASUAH. -BERSAMBUNG 2053/H

28

DI MASA LALU, RASUAH DIKENDALIKAN DENGAN CARA MEMBUAT PROSES BIROKRATIK LEBIH SUSAH. KONONNYA DENGAN CARA INI DAPATLAH KITA ELAKKAN RASUAH. APA YANG BERLAKU OLEH KERANA TERLALU BANYAK PERINGKAT YANG MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENGELAKKAN RASUAH, KITA MELAMBATKAN PROSES DAN MENGAMBIL MASA YANG LAMA. AKHIRNYA KITA KENA BAYAR LEBIH KERANA MASA ITU ADALAH WANG, TERUTAMANYA APABILA KITA MENAWARKAN TENDER UNTUK SESUATU. JADI, PENDAPAT SAYA JALAH MEMBOLEHKAN ORANG MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN DI PERINGKAT MANA PUN. TETAPI KITA MESTI AWASI MEREKA YANG MEMBUAT KEPUTUSAN INI. SEBARANG TANDA YANG MEREKA RASUAH, SEBARANG DESAS-DESB MENGATAKAN MEREKA RASUAH, KITA SIASAT MEREKA. PERTAMA KITA TENTUKAN BERAPA MEREKA ADA DAN KEMUDIAN KITA TENTUKAN SAMA ADA MEREKA DENGAN SERTA KAYA DARIPADA SEPATUTNYA. KEMUDIAN KITA AMBIL TINDAKAN KE ATAS ORANG SEPerti INI. KITA TIDAK DAPAT MENGHAPUSKAN SAMA SEKALI RASUAH. TETAPI KITA AKAN MENGAWASI ORANG YANG MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MEMASTIKAN SAMA ADA IA RASUAH ATAU TIDAK. UNTUK MELAKUKAN INI, SUDAH PASTILAH KITA MESTI ADA SATU JABATAN PENCEGAH RASUAH YANG CEKAP. KITA SEDANG BERFIKIR HENDAK MENGUBAH BALIK NAMA BIRO SIASATAN NEGARA (BSN) KEPADA NAMA LAMANYA BADAN PENCEGAH RASUAH, KERANA INILAH TUJUAN KITA. BANYAK MASA BSN DIGUNAKAN UNTUK MENJALANKAN SIASATAN PERKARA-PERKARA YANG TIDAK SANGKUT PAUT DENGAN RASUAH, SEPERTI HARGA BARANG, MUTU BARANG DAN SEUMPAMANYA. PADA ASASNYA INI BUKAN RASUAH. — BERSAMBUNG

3940/ZCM

WAWANCARA 18 KUALA LUMPUR

... ITU APABILA SEORANG PEGAWAI ITU MENGISYTIHARKAN HARTANYA KITA BOLEH TENTUKAN SEBANYAK MANA KEKAYAANNYA PADA SESUATU KETIKA. SAUDARA TAHU, JABATAN HASIL DALAM NEGERI BOLEH MENENTUKAN SEBANYAK MANA KEKAYAAN SESEORANG ITU. KITA SEKARANG SEDANG MENGARAHKAN JABATAN HASIL DALAM NEGERI SUPAYA MENUNJUKKAN KEPADA BSN BAGAIMANA HENDAK MENENTUKAN SEBANYAK MANA KEKAYAAN SESEORANG ITU. JADI KALAU KITA DAPATI SESEORANG ITU TIDAK DAPAT MENJELASKAN MENGAPA DIA MEMPUNYAI HARTA LEBIH BANYAK DARI SEPATUTNYA YANG DIA ADA, MAMPAK SESUATU TINDAKAN AKAN DIAMBIL KE ATASNYA. SUDAH TENTULAH ADA ORANG TIDAK SUKA DIPERIKSA. TETAPI CARA YANG PALING BAIK JIKA TIDAK MAHU DIPERIKSA JALAH JANGAN RASUAH.

WARTAWAN: DATUK, JIKA TIDAK ADA PEMBERI, TIDAK ADA PENERIMA. JADI BAGAIMANA DATUK MENGENDALIKAN PIHAK YANG MEMBERI?

PM: MEMANGLAH, ORANG YANG MEMBERI SAMA JAHATNYA DENGAN ORANG YANG MENERIMA. TETAPI KADANG-KADANG KITA PERLUKAN ORANG YANG MEMBERI ITU UNTUK MENGETAHUI ORANG YANG MENERIMA.

WARTAWAN: DATUK, ORANG KATA MEMANGLAH SETENGAH-SETENGAH KERAJAAN BARU ITU BERMULA BERSIH DAN SANGAT TEGAS TERHADAP RASUAH. SOALNYA BAGAIMANA HENDAK MENGEKALKAN KEADAAN BEGITU?

29
PM: INI ADALAH SATU MASALAH BESAR. SEMEMANGNYA ADA GOLONGAN YANG TIDAK SUKA RASUAH DIHAPUSKAN. TETAPI SEPERTI YANG SAYA KATAKAN LEBIH AWAL, KEADAAN KITA TIDAKLAH BEGITU BURUK DI MANA SETIAP ORANG TERLIBAT, JIKA KITA SENTOH SEORANG, RAMAI YANG TERLIBAT.

— BERSAMBUNG 2047/ZCM

B595:

WAWANCARA 20 KUALA LUMPUR

SAYA FIKIR KITA MASIH BOLEH BUAT TETAPI SAYA AKUI SAYA TIDAK AKAN DAPAT MENGHAPUSKAN RASUAH SAMA SEKALI. SAYA MUNGKIN BERJAYA MEMBATASKANNYA.

WARTAWAN: ADA ORANG KATA, KALAU KERAJAAN SERKAP SEMUA JERONG YANG TERLIBAT, DATUK MUNGKIN AKHIRNYA DAPATI KEHILANGAN SOKONGAN YANG KUAT KEPADA KERAJAAN.

PM: INI SEMUA BERGANTUNG KEPADA BAGAIMANA PROSES MEMERANGKAP ITU DIJALANKAN. ADA BANYAK CARA MEMERANGKAP. ADA BANYAK CARANYA UNTUK MENGATASI MASALAH INI. YANG PENTINGNYA IALAH APABILA ADA BUKTI RASUAH DI KALANGAN PENYOKONG-PENYOKONG, KITA AKAN BINA PULA SOKONGAN DARI KALANGAN LAIN.

WARTAWAN: DATUK KATA, DATUK SUDAH BINA SATU KUMPULAN YANG DIDIKATED UNTUK MEMERANGI RASUAH. SIAPAKAH MEREKA INI, ADAKAH MEREKA PEGAWAI-PEGAWAI BSN SAHAJA ATAU DI PERINGKAT PENTADBIRAN, TERMASUK JUGA GOLONGAN POLITIK DAN ORANG AWAM?

PM: ADA CUKUP ORANG YANG DIDIKATED, JUJUR DI KALANGAN AHLI-AHLI POLITIK, PEGAWAI KERAJAAN DAN POLIS. MEREKA INILAH YANG PERLU DIKENALPASTI. OLEH KERANA MEREKA TIDAK RASUAH MEREKA TIDAK KHUATIR DENGAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL DAN MEREKA SANGGUP MENJALANKAN KERJA. MEREKA INI TELAH DIKENALPASTI DAN ADA YANG DALAM PROSES KENALPASTI. SAYA FIKIR KITA ADA CUKUP BILANGAN MEREKA INI, DAN BOLEH BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA MEREKA. — BERSAMBUNG 2053/ZCM

B607

WAWANCARA 21 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: ADAKAH DATUK BERSETUJU DENGAN IDEA BAHAWA PAS MEMASUKI SEMULA BARISAN NASIONAL?

PM: SEPERTI MANA YANG SAYA TERANGKAN DULU, BN INI ADALAH SATU ORGANISASI YANG MEMPUNYAI TUJUAN UNTUK MENGEMBELINGKAN SEBERAPA BANYAK TENAGA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK DALAM NEGARA KITA. PERJUANGANNYA MEMPUNYAI PRINSIP-PRINSIP TERTENTU. SIAPA YANG BERSETUJU KEPADA PRINSIP ITU, BOLEH IA MENYERTAI BARISAN. DULU KITA BUAT PERIKATAN AGAK EKSLUSIF SIKIT. IA TERHAD KEPADA TIGA PARTI DAN KITA ANGGAP PARTI-PARTI INI SAJALAH YANG MEWAKILI KAUM-

KAUM TERTENTU. LEPAS ITU KITA BUAT PERIKATAN BESAR YANG MELIBATKAN PARTI-PARTI DI SABAH DAN SARAWAK. LEPAS ITU KITA BUAT BARISAN NASIONAL YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PARTI-PARTI LAIN YANG JIKA TIDAK, TIDAK BERPELUANG MENYERTAI KERAJAAN, KERANA KITA TAHU SETENGAH-SETENGAH PARTI ADALAH TERLALU KECIL UNTUK MENDIRIKAN KERAJAAN. JADI DENGAN ADANYA BARISAN NASIONAL INI, SIAPA YANG SANGGUP MENERIMA PRINSIPNYA, BOLEH MASUK BN. TAPI ADA SYARAT IAITU KEMASUKANNYA MESTILAH DENGAN PERSETUJUAN SEBULAT SUARA SEMUA ANGGOTA BN.

WARTAWAN: APAKAH PERASAAN DATUK SENDIRI, APAKAH DATUK SUKA MELIHAT PERKARA INI BERLAKU.

PM: SAYA SUKA ELAK DARIPADA BERPECAH BELAH DAN SAYA SUKA KALAU BOLEH KITA MENUMPUKAN TENAGA KITA KEPADA KERJA-KERJA KEBAJIKAN UNTUK SEMUA PIHAK.—BERSAMBUNG 2145/HM

WARTAWAN: MEMANDANGKAN TIDAK ADA USAHA SECARA SUNGGUH-SUNGGUH DATUK DALAM MEMASUKKAN PAS KE DALAM BN, ADA ORANG BERPENDAPAT DALAM PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG PAS AKAN BERADA DI LUAR BARISAN. DALAM SOAL INI DIKATAKAN PAS TIDAK AKAN MENUMPUKAN TENAGANYA DI KELANTAN DAN KEDAH, TETAPI MEREKA AKAN CUBA MENAWAN TRENGGANU KERANA SELAIN DARI MEREKA SUDAH BERTAPAK DI NEGERI ITU, SUMBER KEKAYAAN MINYAK JUGA ADA DI SITU. JADI APA PERSEDIAAN UMNO DALAM HAL INI?

PM: UMNO BERSEDIA MEMPERTAHANKAN KEDUDUKANNYA DI TRENGGANU. UMNO MENANG SERATUS PERATUS DI NEGERI ITU DULU. KITA YAKIN BAHAWA RAKYAT TRENGGANU YANG MEMANG TAHU SIKAP UMNO DAN SIKAP PARTI LAWAN, AKAN TERUS MENYOKONG UMNO. MUNGKIN ADA GOLONGAN YANG KECIL YANG TERTARIK DENGAN DAKYAH PAS. TAPI SAYA FIKIR MAJORITI MEREKA MASIH LAGI PERCAYA KEPADA CARA PERJUANGAN UMNO.

WARTAWAN: APAKAH PANDANGAN DATUK TERHADAP MASA DEPAN BARISAN NASIONAL, DAPATKAH KEKAL DALAM BEBERAPA PILIHANRAYA YANG AKAN DATANG?

PM: SAYA BOLEH KATA SETAKAT PILIHANRAYA AKAN DATANG SAJALAH. DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG SAYA PERCAYA BARISAN BOLEH BERJAYA. PILIHANRAYA SELEPAS ITU PUN BARISAN BOLEH BERJALAN LAGI MELAINKAN ADA SESUATU YANG LUAR BIASA BERLAKU DI LUAR DUGAAN.

WARTAWAN: DATUK, INI MEMBAWA KEPADA PERTANYAAN BILAKAH PILIHANRAYA AKAN DATANG AKAN DIAGAKAN?
—DEPUTI MNC (PUL) / M

B609
WAWANCARA 23 KUALA LUMPUR

PM: IA BOLEH DIADAKAN DALAM 1982 ATAU 83 SUDAH TENTU. DALAM MENENTUKAN TARIKAH PILIHANRAYA, KITA TIDAK BOLEH MENGAMBIL KIRA SATU FAKTOR SAHAJA. BANYAK FAKTOR YANG MESTI DIPERTIMBANGKAN.

WARTAWAN: SETELAH MEMPERTIMBANGKAN SEMUA FAKTOR ITU, APAKAH PERASAAN DATUK?

PM: (KETAWA)...YA, SAYA TIDAK SUKA MENDEDAHKAN PERASAAN SAYA.

WARTAWAN: DATUK, BOLEH KITA BERDALIM KEPADA SCAL EKONOMI. ADAKAH DATUK BIMBANG DENGAN KEADAAN MELESET SEDUNIA SEKARANG DAN KESANNYA KE ATAS KITA, TERUTAMANYA KITA DIJANGKA AKAN MENGHADAPI MASALAH IMBANGAN BAYARAN YANG MEROSOT.

PM: KITA HARUS INGAT BAHAWA KITA BERADA DI TAHAP YANG LEBIH BAIK DARI SETENGAH-SETENGAH ORANG. APA YANG BERLAKU KEPADA KITA, WALAUPUN KURANG BAIK DIBANDINGKAN DENGAN PRESTASI DI MASA LALU, BOLEH DIANGGAP BAIK DIBANDINGKAN DENGAN PRESTASI NEGARA LAIN. PENDEK KATA, APA YANG BERLAKU KEPADA KITA AKAN DISAMBUT BAIK DI NEGARA LAIN. KADAR INFLASI KITA TAHUN INI YANG DIDUGA PALING TINGGI. JIKA DIBANDINGKAN DENGAN SETENGAH-SETENGAH NEGARA INI BUKANNYA INFLASI. MEREKA YANG MENGHADAPI INFLASI 60 PERATUS, 20 PERATUS, 13 PERATUS KEPADA MEREKA INI 10 PERATUS ADALAH BERPATUTAN. SAYA RAS KITA BOLEH MENGEKALKAN KEDUDUKAN EKONOMI YANG KUKUH DIBANDINGKAN DENGAN KEADAAN DUNIA LAIN. APA YANG PERLU KITA BUAT IALAH MELEBIHKAN DAYA PENGELUARAN KITA DAN KITA AKAN MENGATASI SEMUA MASALAH INI.—BERSAMBUNG 2158/HM

B610
WAWANCARA 24 KUALA LUMPUR

WARTAWAN: DATUK, APAKAH PENDAPAT DAN PENDANGAN DATUK TENTANG CARA DASAR EKONOMI BARU DILAKSANAKAN. SETAKAT MANA PENCAPAIANNYA?

PM: DASAR EKONOMI BARU BUKAN SEMATA-MATA SATU DASAR EKONOMI. IA ADALAH JUGA SATU DASAR POLITIK. JIKA IA SEMATA-MATA EKONOMI KITA SUDAH TENTU MENUMPUKAN TENAGA KEPADA PERKEMBANGAN SAHAJA. TETAPI JIKA KITA TUMPUKAN KEPADA PERKEMBANGAN SEMATA-MATA TANPA MENGAMBIL KIRA AKAN AGIAHAN YANG SAMA ADIL, MAKA KITA AKAN MENGHADAPI KEADAAN POLITIK YANG TIDAK STABIL. JADI, DALAM KONTEKS KESTABILAN POLITIK, PERKEMBANGAN YANG DICAPAI DI BAWAH

DEB ADALAH AMAT BAIK. OLEH KERANA SEKATAN-SEKATAN INI KITA TIDAK
SEPERTI NEGARA YANG TERTENTU MEMENTINGKAN PERKEMBANGAN EKONOMI
SEMATA-MATA. JANGAN PEDULI KEMISKINAN DI DESA, JANGAN PEDULI
YANG PEMBANGUNAN EKONOMI MELAYU DAN CINA TIDAK SETARA, SAYA PERCAYA
PERKEMBANGAN DARI SEGI EKONOMI ADALAH AGAK BESAR. TETAPI KEADAAN
BEGINI AKAN MEMBAWA KEPADA KEADAAN POLITIK YANG TIDAK STABIL.
SHAH IRAN DULU FIKIR EKONOMI SAJA YANG PENTING. JADI, DIA CUBA
SEBUAH NEGARA IRAN YANG GACAH, BINA SEBERAPA BANYAK KILANG DAN
DIA FIKIR RAKYATNYA AKAN HIDUP BAHAGIA. TETAPI RAKYAT TIDAK BAHAGIA.
MEREKA USIR BELIAU KELUAR NEGARA NYA. PERKEMBANGAN EKONOMI TIDAK
SEBEGITU PENTING SEPERTI KESTABILAN POLITIK. TETAPI APA
YANG HARUS KITA CUBA CAPAI TILAH KADAR PERKEMBANGAN EKONOMI YANG
MINIMA DI DALAM KONTEKS KESTABILAN POLITIK. --BERSAMBUNG 2202/HM

31

31

PM
WAWANCARA 25 KUALA LUMPUR

INI ADALAH OBJEKTIF KITA. KITA TELAH MEMBUAT KEJAYAAN YANG BAIK
DALAM HAL INI. TETAPI JIKA KITA BERCAKAP DARI SEGI PERKEMBANGAN
EKONOMI SEMATA-MATA MEMANGLAH ORANG AKAN KATA PRESTASI KITA TIDAKLAH

BEGITU BAIK. TETAPI JIKA KITA BANDINGKAN MALAYSIA SEKARANG DENGAN
MALAYSIA DI BAWAH JAJAHAN BRITISH, TIDAK ADA PERBANDINGAN LANGSUNG.
TIDAK ADA APA PUN DI BAWAH BRITISH DULU. LIHAT KUALA LUMPUR SEKARANG,
SEMUA PEMBANGUNAN DI KUALA LUMPUR DIBINA SELEPAS MER-
DEKA. BERPA LAMA KITA SUDAH MERDEKA? 24 TAHUN. BERAPA LAMA BRITISH
DI SINI? LEBIH 100 TAHUN. JADI KITA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN
YANG BAIK.

WARTAWAN: APAKAH RANCANGAN DATUK BAGI 10 TAHUN AKAN DATANG SE-
BELUM KITA SAMPAI KEPADA MATLAMAT?

PM: KITA AKAN TERUS DASAR SEKARANG DENGAN KEGIATAN SEPERTI
SEKARANG. KITA PERLU PERHEBATKAN LAGI BERBAGAI KEGIATAN EKONOMI.
YANG PENTING KITA MAHU ORANG FAHAM APA YANG KITA BUAT. BANYAK
SUNGUTAN TERHADAP DASAR EKONOMI BARU ADALAH DISEBABKAN KURANG Penger-
-TIAN. --BERNAMA 2206/HM